



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI
SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN
NEGERI JOHOR TAHUN 2020**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI JOHOR TAHUN 2020 SIRI 1**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Pengauditan terhadap aktiviti agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Manakala pengauditan pengurusan syarikat kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Perkara 107(2) pula, menyebut mana-mana laporan yang berhubungan dengan sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang Di-Pertua Negeri bagi negeri itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri.

3. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Johor Tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021. Manakala LKAN mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2020 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022. Kedua-dua LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Johor pada 19 Jun 2022 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.
4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Johor Tahun 2020

4.1.1 Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Pengauditan yang dijalankan mendapati penyata kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan hal-hal lain iaitu Kerajaan Negeri Johor hendaklah memastikan rekod terimaan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan disediakan dengan lebih teratur bagi perkara berikut:

- a. Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara bulanan, disemak dan diambil tindakan segera terhadap *unreconciled items*. Pelarasan perlu dibuat sewajarnya supaya baki Wang Tunai dan transaksi berkaitan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.
- b. Memastikan pelarasan rekod dibuat antara Pejabat Pegawai Pengawal dengan Pejabat Perakaunan secara berkala agar baki akaun Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dapat disesuaikan.

Ini bagi memastikan pelaporan baki akaun dalam penyata kewangan adalah tepat.

4.1.2 Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 telah meningkat sebanyak RM25.84 juta menjadi RM2.679 bilion berbanding RM2.653 bilion pada tahun 2019.
- b. Baki Akaun Hasil Disatukan meningkat sebanyak RM10.66 juta menjadi RM1.204 bilion berbanding RM1.194 bilion pada akhir tahun 2019. Kutipan hasil berkurangan sebanyak RM71.04 juta (4.1%) menjadi RM1.674 billion berbanding RM1.745 billion pada tahun 2019. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2020 dengan lebih berjumlah RM39.83 juta berbanding lebih RM75.59 juta yang diperoleh pada tahun 2019.

4.1.3 Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri

Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri yang dilaksanakan pada tahun 2020 melibatkan 5 jabatan negeri dan satu pihak berkuasa tempatan seperti berikut:

- a. Tunggakan Pinjaman Perumahan Bagi Pesara Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Johor di Unit Pinjaman Anggota Perkhidmatan Awam, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor;
- b. Perolehan Kerja dan Bekalan di Jabatan Kerja Raya Negeri Johor;
- c. Perbelanjaan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Bekalan Makanan Bermasak Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor di Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor;

- d. Perolehan Terus Bekalan Menggunakan Peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri di Pejabat Daerah Batu Pahat dan Mersing; dan
- e. Pentadbiran Kontrak Secara Sebut Harga dan Tender di Majlis Bandaraya Johor Bahru.

4.2. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan /Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

4.2.1 Pengurusan Aktiviti Jabatan / Agensi Negeri

- a. Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1 ini, empat pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat Negeri Johor iaitu:
 - Pengurusan Pelaksanaan Kerja-Kerja Kecil dan Bekalan di Bawah Peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADUN) oleh Pejabat Menteri Besar Negeri Johor, Pejabat Daerah Johor Bahru (PDJB), Pejabat Daerah Batu Pahat (PDBP) dan Pejabat Daerah Mersing (PDM);
 - Pengurusan Penyenggaraan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di Kota Iskandar oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Jabatan Kerja Raya;
 - Pengurusan Sekolah Agama oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor; dan
 - Pengurusan Hartanah Komersial oleh Perbadanan Johor.
- b. Secara keseluruhannya, rumusan bagi empat pengauditan prestasi mendapati tiga penemuan berkaitan elemen pembaziran berjumlah RM0.75 juta, satu penemuan berkaitan elemen kerugian berjumlah RM44.24 juta dan dua penemuan berkaitan elemen pembayaran tidak teratur berjumlah RM80.42 juta menyebabkan ketirisan wang awam berjumlah RM125.41 juta.

4.2.1.1 Pengurusan Pelaksanaan Kerja-Kerja Kecil dan Bekalan di Bawah Peruntukan Ahli Dewan Negeri

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan pengurusan peruntukan ADUN di PDJB, PDBP dan PDM tidak dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan kerana berlaku kelemahan dalam aspek prestasi perbelanjaan, penyampaian perkhidmatan dan pengurusan baki peruntukan. Kelemahan ini menjejaskan pencapaian objektif yang ditetapkan bagi melaksanakan kerja-kerja kecil dan bekalan untuk memberi manfaat kepada orang ramai.

4.2.1.2 Pengurusan Penyenggaraan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di Kota Iskandar

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan pengurusan penyenggaraan oleh Syarikat 83237-T tidak dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan. Kelemahan berlaku dari aspek pencapaian tempoh pembaikan, pencapaian pajakan, perkhidmatan penyenggaraan tidak mematuhi Perjanjian Tahap Perkhidmatan (PTP) dan Petunjuk Prestasi Utama (PPU) serta pemantauan kerja-kerja penyenggaraan yang lemah. Kelemahan ini menjejaskan pencapaian objektif penyenggaraan yang ditetapkan iaitu pemeliharaan bangunan Kerajaan diurus dengan sempurna.

4.2.1.3. Pengurusan Sekolah Agama

Secara keseluruhannya, pengauditan ini mendapati objektif penubuhan Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) untuk memberikan pendidikan mengenai asas aqidah dan ibadat, amalan fardu ain, fardu kifayah dan sunat, penulisan dan pembacaan jawi serta pembacaan Al-Quran dan bahasa Arab telah dapat dicapai melalui 570 SAKJ dan 2 Sekolah Menengah Agama (SMA). Bagaimanapun, pengurusan sekolah agama tidak cekap kerana terdapat kelemahan dalam aspek penerbitan kitab baharu, penyenggaraan bangunan sekolah dan asrama, keperluan perabot sekolah serta penyelenggaraan rekod.

4.2.1.4. Pengurusan Hartanah Komersial

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan pengurusan hartanah komersial Perbadanan Johor (JCorp) telah dapat mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk menjana pendapatan serta menjadi pemangkin kepada ekonomi negeri Johor. Bagaimanapun, prestasi penjualan dan pemilikan hartanah komersial kurang memuaskan kerana sasaran yang ditetapkan tidak dapat dicapai sepenuhnya. Namun, prestasi sewaan hartanah komersial adalah baik. Pengurusan aktiviti pula masih mempunyai kelemahan dari aspek perancangan pembangunan, penjualan, sewaan, pengambilan balik tanah dan pemantauan sehingga mengakibatkan JCorp menanggung kerugian atau tidak mendapat pulangan setimpal daripada pelaburan yang dikeluarkan.

4.2.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

- a. Pengauditan bagi pengurusan syarikat Kerajaan merangkumi tiga aspek, iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
- b. Bagi LKAN Tahun 2020 Siri 1 ini, pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan terhadap Insist Amilat Sdn. Bhd. (IASB). Secara keseluruhannya, IASB telah mencapai objektif penubuhan yang ditetapkan. Amalan tadbir urus korporat oleh IASB adalah baik, namun masih belum melaksanakan sepenuhnya tiga aspek amalan terbaik tadbir urus korporat, iaitu Lembaga Pengarah, Polisi Operasi Standard dan Petunjuk Prestasi Utama. Dari segi aktiviti, prestasi jualan takaful bagi tempoh 2017 hingga 2020 adalah memuaskan. Bagaimanapun, prestasi IASB sebagai pemegang konsesi Kerajaan Negeri dan prestasi jualan oleh sub ejen masih boleh dipertingkatkan bagi memastikan syarikat mendapat pulangan yang lebih kukuh. Prestasi kutipan zakat bagi tempoh 2017 hingga 2020 adalah baik kerana telah mencapai RM34.26 juta (105.5%) berbanding sasaran yang ditetapkan. Selain itu, IASB juga telah melaksanakan tanggungjawab dalam

menyalurkan sumbangan kepada Perbadanan Islam Johor bagi membiayai aktiviti beragendakan Islam. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti takaful dan zakat adalah kurang memuaskan.

- 4.2 Semua pegawai pengawal/ketua jabatan/Pengarah Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Sebanyak 19 syor telah dicadangkan dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2020 dan 24 syor dalam LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.
5. Kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Negeri Johor pada 19 Jun 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <https://www.audit.gov.my> mulai 19 Jun 2022 selepas jam 2.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

19 Jun 2022

19 Zulkaedah 1443H